


**IMPAK PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
PENDIDIKAN SENI VISUAL DI TAHAP
SEKOLAH RENDAH**



JONG LEE JEN

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

**IMPAK PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
PENDIDIKAN SENI VISUAL DI TAHAP
SEKOLAH RENDAH**

JONG LEE JEN



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **IMPAK PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL DI TAHAP SEKOLAH RENDAH**

IJAZAH: **SARJANA PENDIDIKAN (KURIKULUM DAN PENGAJARAN)**

Saya **JONG LEE JEN**, Sesi Pengajian **2-2012/2013-2017**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

/

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,

JONG LEE JEN

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh: 21 Julai 2017

(Prof. Dr. Ismail Ibrahim)
Penyelia

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

14 Julai 2016

Jong Lee Jen
MT1221009T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN


NAMA : **JONG LEE JEN**

NO. MATRIK : **MT1221009T**

TAJUK : **IMPAK PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
PENDIDIKAN SENI VISUAL DI TAHAP SEKOLAH
RENDAH**

IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN (KURIKULUM DAN
PENGAJARAN)**

TARIKH VIVA : **8 MAC 2017**



1. **PENYELIA**

Profesor Dr. Ismail Ibrahim

DISAHKAN OLEH;

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

PENGHARGAAN

Pendidikan Seni Visual merupakan salah satu mata pelajaran wajib di sekolah rendah. Namun disebabkan ia tidak termasuk dalam sistem Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), jadi ia sering dipandang ringan oleh mana-mana pihak termasuk pihak sekolah, pihak ibu bapa dan juga pihak murid itu sendiri. Fenomena ini adalah akibat daripada tekan peperiksaan yang begitu kuat sehingga kita hanya mementingkan mata pelajaran yang dirangkumi dalam UPSR.

Tekanan tersebut datang daripada pelbagai pihak termasuk pihak Kementerian Pendidikan dan pihak ibu bapa yang terlalu mengutamakan keputusan peperiksaan murid seolah-olahnya murid yang tidak dapat skor gred yang tinggi adalah golongan murid yang gagal dalam zaman persekolahannya, seolah-olahnya guru yang tidak dapat melahirkan murid yang berskor gred tinggi adalah mereka yang gagal dalam zaman pengajarannya. Persepsi dan kritikan sebegini telah mendorong saya untuk meneroka, meneliti dan menganalisis keadaan pengajaran pendidikan seni visual di sekolah rendah kini.

Saya amat berterima kasih kepada penyelia saya Professor Dr. Ismail Ibrahim yang sentiasa memberi bimbingan dan galakan untuk menyiapkan penyelidikan ini. Tidak lupa kepada Guru Besar SJK(C) Chung Hwa Sipitang yang memberi sokongan padu dan seterusnya membolehkan saya menumpukan separuh masa untuk menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan di Universiti Malaysia Sabah, semoga beroleh kesejahteraan dan dirahmati selalu.

Penghargaan saya kepada rakan-rakan sekerja yang sentiasa bersabar dan menyokong sepanjang menyiapkan tesis ini, pihak-pihak sekolah yang dikasihi yang terlibat dalam menjayakan kajian ini. Tidak lupa ibu bapa semoga diberi kesejahteraan dan kesihatan yang baik dariNya.

Jong Lee Jen
14 Julai 2016

ABSTRAK

Penyelidikan ini merupakan kajian mengenai pengajaran guru bukan opsyen dan impaknya terhadap perkembangan pembelajaran Pendidikan Seni di sekolah rendah. Kajian ini melibatkan murid tahun enam seramai 186 orang dari 4 buah sekolah rendah di sekitar daerah Sipitang, Sabah. Persoalan kajian ini ialah apa ciri-ciri kognitif murid tahun enam, apa tahap pencapaian persepsi murid tahun enam dan sejauh mana tahap psikomotor murid tahun enam melalui analisis hasil lukisan. Hasil karya murid dianalisis dengan menggunakan 4 skor, iaitu 4 (cemerlang), 3 (memuaskan), 2 (baik) dan 1 (lemah). Hasil lukisan murid-murid dinilai berdasarkan kapasiti berikut, iaitu kemahiran melukis, kemahiran membuat tanggapan dan kemahiran berfikir berdasarkan model Dyson (1986:390). Latar belakang murid sama ada mereka dari sekolah jenis kebangsaan cina (SJKC) atau sekolah kebangsaan (SK) diambil kira untuk memastikan ketepatan analisis kajian. Objek buku dijadikan sebagai objek rangsangan bagi menguji kepekaan murid-murid terhadap ruang persekitaran yang paling dekat dengan mereka seperti, di rumah, di sekolah, di perpustakaan dan tempat-tempat awam di mana buku sering mereka jumpai. Objek ini boleh merangsang pengetahuan sedia ada murid-murid kerana dengan menyediakan objek ini murid-murid sudah tentunya secara langsung akan membuat pelbagai tafsiran mengikut tahap pemikiran masing-masing kerana pengalaman deria memainkan peranan dalam membentuk konsep yang akhirnya dilahirkan menjadi lukisan visual. Dapatan kajian menunjukkan murid umur 12 di Sipitang masih belum menguasai kemahiran dan kreativiti yang lebih tinggi. Mereka masih lemah dari segi psikomotor, kognitif dan afektif dalam bidang seni. Kebanyakan responden dari keempat-empat sekolah tersebut skor 2 (baik) dan 1 (lemah).

Kata kunci : *ruang, kemahiran melukis, kemahiran membuat tanggapan, kemahiran berfikir*

ABSTRACT

IMPACT ON THE DEVELOPMENT OF VISUAL ARTS LEARNING EDUCATION IN PRIMARY SCHOOLS

This research is a study on art teaching by non-option teachers and its impact on the development of visual art education in primary schools. The study involved year six students taught by teachers who are not option in art. Those respondents included 186 pupils from four primary schools in the district of Sipitang, Sabah. The research question is about cognitive characteristics of students in year six, level of achievement of students' perceptions of year six and extent of psychomotor of year six pupils through analysis of their paintings. In this study, I'm just going to focus on the space only. Qualitative methods were used where students were asked to paint on a given subject. Quantitative methods applied where the work of these students will be analyzed using 4 scores, i.e. 4 (excellent), 3 (satisfactory), 2 (good) and 1 (weak). The results of the pupils drawing will be assessed to refer the following capacities, namely drawing skills, skills to make a response and thinking skills based on Dyson model (1986: 390). Background of students whether they are from SJKC or SK taken into account to ensure the accuracy of the analysis. The object of the book as a stimulus object to test the sensitivity of the disciples of the space closest to the environment they like, at home, at school, in libraries and public places where books often they meet. These objects can stimulate existing knowledge for students by providing this object disciples course will automatically make various interpretations by the level of thinking because each sensory experience plays a role in shaping the concept finally born into a visual sketch. Research finding shows that student at the age of 12 in Sipitang have no higher level of creativity. They are still weak in sense of psychomotor, cognitive, and affective in art field. Most of the respondents scored 2 (good) and 1 (weak).

Keywords: space, drawing skills, skills to make a response, thinking skills

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI CARTA	xi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
 BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Kepentingan Kajian	4
1.4 Permasalahan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Soalan Kajian	8
1.7 Fokus Kajian	8
1.8 Lokasi Kajian	9
1.9 Ringkasan Metodologi	9
1.10 Definisi Operational	10
1.10.1 Ruang	12
1.10.2 Seni Visual	13
1.10.3 Domain Kognitif, Afektif Dan Psikomotor Dalam Pendidikan Seni Visual	13
1.11 Penutup	14

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Teori Perkembangan Lukisan Kanak-kanak	15
2.3	Ruang Dalam Lukisan	20
2.4	Teori Perkembangan Psikomotor, Kognitif Dan Afektif Kanak-kanak	22
2.5	Perkembangan Kurikulum Pendidikan Seni Di Malaysia	24
2.6	Isu Dan Permasalahan Kurikulum Pendidikan Seni Visual	30
2.7	Peranan Pendidikan Seni Visual Abad Ke-21	40
2.8	Penutup	47

BAB 3: METODOLOGI

3.1	Pengenalan	48
3.2	Reka Bentuk Kajian	48
3.3	Skop Kajian	49
3.4	Responden	49
3.5	Data Responden Berdasarkan Kategori Murid Dari SJKC Dan SK	50
3.6	Instrumen Kajian	51
	3.6.1 Kapasiti Penilaian Kriteria Lukisan	52
	3.6.2 Penilaian Skor Lukisan	52
3.7	Lukisan Murid-murid Mengikut Skor	55
	3.7.1 Lukisan Skor 4	56
	3.7.2 Lukisan Skor 3	58
	3.7.3 Lukisan Skor 2	60
	3.7.4 Lukisan Skor 1	62
3.8	Prosedur Pelaksanaan	64
3.9	Rasional Pemilihan Objek Buku Sebagai Rangsangan	65
3.10	Prosedur Koleksi Data	66

3.11	Kajian Rintis	67
3.11.1	Responden Kajian Rintis	68
3.11.2	Kertas Ujian Kajian Rintis	68
3.11.3	Kertas Ujian	68
3.11.4	Dapatan Ujian Rintis Kategori Umur 8 Tahun	70
3.11.5	Kertas Ujian 2	71
3.12	Hasil Dapatan Kajian Rintis	73
3.13	Penutup	74

BAB 4: ANALISIS

4.1	Pendahuluan	75
4.2	Analisis Lukisan Berdasarkan Skor	75
4.3	Analisis Mengikut Skor Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	76
4.3.1	Analisis Lukisan Skor 4	76
4.3.2	Analisis Lukisan Skor 3	78
4.3.3	Analisis Lukisan Skor 2	81
4.3.4	Analisis Lukisan Skor 1	85
4.4	Analisis Mengikut Skor Bagi Sekolah Kebangsaan	86
4.4.1	Analisis Lukisan Skor 4	88
4.4.2	Analisis Lukisan Skor 3	91
4.4.3	Analisis Lukisan Skor 2	96
4.4.4	Analisis Lukisan Skor 1	101
4.5	Penutup	102

BAB 5: DAPATAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	103
5.2	Data Skor Mengikut Kumpulan Murid SJK(C) dan SK	103
5.3	Data Skor Secara Keseluruhan	104
5.4	Ciri-ciri Kognitif Murid Tahun Enam	106
5.5	Tahap Pencapaian Persepsi Murid Tahun Enam	107
5.6	Tahap Psikomotor Murid Tahun Enam Melalui Analisis Hasil Lukisannya	107
5.7	Perbezaan Lukisan Antara SJKC Dan SK	108

5.8	Penutup	108
-----	---------	-----

BAB 6: KESIMPULAN

6.1	Rumusan Kajian	109
	6.1.1 Jawapan Permasalahan Kajian	
6.2	Kesimpulan	110
6.3	Cadangan Kepada Penyelidik Lain	110
6.4	Penutup	111

RUJUKAN	112
----------------	-----

LAMPIRAN	118
-----------------	-----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI CARTA

	Halaman
Carta 3.1 : Reka Bentuk Kajian	49

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 : Jumlah Murid Setiap Sekolah Mengikut Latar Belakang	50
Jadual 3.2 : Kategori Murid Dari SJKC Dan SK	50
Jadual 3.3 : Kapasiti Penilaian Lukisan Murid-murid	51
Jadual 3.4 : Penentuan Skor Mengikut Kriteria Lukisan	53
Jadual 3.5 : Langkah Perlaksanaan Ujian	64
Jadual 3.6 : Langkah-langkah Perlaksanaan Proses Koleksi Data	66
Jadual 3.7 : Responden Kajian Rintis SJK(C) Chung Hwa Sipitang	68
Jadual 3.8 : Dapatan Ujian 1	70
Jadual 3.9 : Dapatan Ujian 2	73
Jadual 5.1 : Skor Responden Mengikut Kumpulan Murid	103
Jadual 5.2 : Peratus Skor Responden Secara Keseluruhan	104

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 : Ruang Satu Dimensi	11
Rajah 1.2 : Ruang Dua Dimensi	11
Rajah 1.3 : Ruang Tiga Dimensi	12
Rajah 3.1 : Lukisan 1 (skor 4)	56
Rajah 3.2 : Lukisan 2 (skor 4)	57
Rajah 3.3 : Lukisan 1 (skor 3)	58
Rajah 3.4 : Lukisan 2 (skor 3)	59
Rajah 3.5 : Lukisan 1 (skor 2)	60
Rajah 3.6 : Lukisan 2 (skor 2)	61
Rajah 3.7 : Lukisan 1 (skor 1)	62
Rajah 3.8 : Lukisan 2 (skor 1)	63
Rajah 3.9 : Objek Rangsangan Dalam Ujian Melukis	65
Rajah 3.10 : Ujian Bagi Murid Kategori 8 Tahun	69
Rajah 3.11 : Ujian 2 Bagi Murid Kategori 9 Tahun	71
Rajah 4.1 : Lukisan Skor 4	76
Rajah 4.2 : Lukisan Skor 3	77
Rajah 4.3 : Lukisan Skor 2	79
Rajah 4.4 : Lukisan Skor 1	82
Rajah 4.5 : Lukisan Skor 4	86
Rajah 4.6 : Lukisan Skor 3	89
Rajah 4.7 : Lukisan Skor 2	92
Rajah 4.8 : Lukisan Skor 1	97

SENARAI SINGKATAN

KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
3M	-	Membaca, menulis dan mengira
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBAT	-	Pemikiran aras tinggi
SJKC	-	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SK	-	Sekolah Kebangsaan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A

Instrumen Kajian



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara".
(Kementerian Pendidikan Malaysia:1996)

Bacon, F (1996) pernah berkata "Ilmu adalah kuasa". Dari mana ilmu itu datang? Setiap orang memerlukan mentor untuk memperolehi ilmu pengetahuan. Dengan itulah kita memerlukan pendidikan. Kerajaan telah mengubalkan kurikulum sekolah sebagai satu usaha berterusan bagi mendidik anak-anak bangsa yang merangkumi pelbagai dimensi, iaitu intelek, rohani, emosi, dan jasmani seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Sebelum zaman Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), pendidikan di Malaysia mengutamakan penguasaan murid terhadap Sains, Matematik dan Bahasa. Seseorang murid dianggap layak meninggalkan persekolahan jika telah menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) yang menjadi asas Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) sebelum ini. Namun David Warlick (2005) menyatakan bahawa kemahiran 3M tidak lagi cukup untuk menjamin kejayaan masa depan seseorang murid memandangkan Pemikiran Aras Tinggi (KBAT) telahpun menjadi arus utama transformasi sistem pendidikan kini. Sehubungan itu, Sains, Matematik dan Bahasa bukan lagi fokus utama dalam pembelajaran malah subjek bukan teras, terutamanya Seni Visual juga semakin diambil berat. Reyner, A (2008) pernah berkata seni adalah asas kepada pendidikan bukan sekadar sampingan. Menurut Deasy, R & Stevenson, L (2002), banyak kajian telah menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran Seni dapat meningkatkan kognitif dan perkembangan sosial murid. Seni

boleh sebagai tunjang utama bagi murid untuk mengembangkan kemahiran-kemahiran berfikir mereka dan mendapatkan motivasi yang diperlukan untuk tahap pencapaian yang lebih tinggi.

Kurikulum Pendidikan Seni di Malaysia telahpun bermula pada zaman penjajahan British dengan penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris pada tahun 1922, yang bertujuan memberi latihan perguruan. Antara subjek-subjek yang wajib dipelajari termasuklah lukisan, pertanian dan pertukangan. Komponen subjek Pendidikan Seni diajar bersama dengan pertukangan tangan seperti menganyam dan membuat bakul. Buku teks yang digunakan pada masa itu adalah terbitan guru anyaman, Mr. W. Olanquera yang berjudul "Kita Rajah-rajah Anyaman".

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada tahun 1929, guru-guru Melayu telah menggunakan Kitab Pedoman Guru Penggal Kedua untuk mengajar pelbagai subjek termasuk Lukisan dan Pertukangan Tangan di sekolah-sekolah Melayu di seluruh tanah air pada masa itu. Kitab Pedoman Guru Penggal 1 (1928) dan Penggal 2 (1929) yang disusun oleh O.T.Dussek dan Muhammad Hashim bin Haji Taib adalah buku pertama yang ditulis di Malaya mengenai kaedah mengajar subjek Lukisan dan Pertukangan Tangan. Kaedah pengajaran Pendidikan Seni yang dirancang mirip dengan kurikulum Pendidikan Seni Visual sekarang di mana ia bermula dari unsur-unsur yang senang sehingga yang lebih susah.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia terkini yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2012), bertujuan untuk lahirkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai demi menghasilkan perubahan yang diinginkan oleh semua rakyat Malaysia. Mengapakah penghayatan nilai itu penting? Memandangkan dunia zaman sekarang yang dilambak dengan kejadian kemusnahan alam sekitar, konflik senjata dan kes jenayah, nilai murni sejagat seperti integriti, saksama, belas kasihan, empati dan penyayang amat diperlukan untuk membimbing murid-murid kita berjaya mengharungi segala cabaran yang bakal dihadapi dengan membuat keputusan yang beretika. Ini selaras dengan salah satu peranan Pendidikan Seni Visual berdasarkan Dokumen

Standard Kurikulum Dan Pentaksiran (KSSR) Pendidikan Seni Visual Tahun Empat (2013), iaitu membantu perkembangan emosi murid, meningkatkan rasa kesyukuran terhadap Tuhan, menghargai keindahan alam persekitaran, keindahan seni dan warisan bangsa, serta dapat menyumbang ke arah pembangunan diri, keluarga, masyarakat, dan negara selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pendidikan Seni Visual memainkan peranan penting dalam usaha menyemai murid-murid dengan nilai-nilai kasih sayang, hormat-menghormati, saling memahami, serta menanam sifat-sifat mulia terhadap diri.

Namun begitu, masyarakat Malaysia seolah-olahnya belum sedar akan kepentingan Pendidikan Seni Visual lagi. Tidak dapat menafikan bahawa sebelum ini pendidikan seni seakan jauh terpinggir dalam sistem pendidikan negara kita walaupun sebenarnya ia telah wujud lebih awal dalam kalangan masyarakat. Kita masih merasakannya sebagai suatu cabang mata pelajaran yang berkedudukan kelas kedua di sekolah. Fenomena ini dilihat dengan tindakan sebahagian pihak sekolah yang melantik guru seni visual tanpa mengira sama ada guru tersebut mempunyai latar belakang seni atau tidak seolah-olahnya pengajaran Pendidikan Seni Visual itu tidak memerlukan apa-apa kemahiran khusus sehingga sesiapa sahaja pun boleh mengajar subjek ini. Selain itu, terdapat juga sesetengah pihak sekolah yang mengurangkan aktiviti atau program seni demi meningkatkan pencapaian akademik murid. Ternyata, masyarakat Malaysia masih memandang sinis akan kepentingannya di dalam membentuk nilai-nilai kemanusiaan dan budaya bangsa. Bermula dengan lebih dikenali sebagai Seni Lukis dan Pertukangan/Pekerjaan Tangan di era sebelum merdeka sehinggalah beralih kepada Seni Visual sejak kebelakangan ini, namun martabatnya masih diletakkan pada tempat yang sama.

Lantaran itu, perubahan demi perubahan dilakukan ke atas kurikulum pendidikan negara kita misalnya kewujudan KSSR yang menggantikan KBSR sejajar dengan hasrat untuk membentuk warga negara yang tahu menghargai budaya, mempunyai nilai-nilai norma kemasyarakatan yang luhur berpaksikan kepada Rukun Negara. Perubahan ini turut merangkumi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual yang dikira akan dapat mengangkat martabat seni visual khasnya ke suatu kedudukan yang lebih baik dengan menjadikan ia sebagai salah satu subjek teras tema. Ini adalah suatu

usaha serampang dua mata, bukan sahaja dapat membentuk minda baru masyarakat Malaysia, tidak sekadar memandang seni dari sudut estetikanya sahaja malahan mampu mengangkat darjat dan peranan seni visual di dalam pembentukan ketamadunan Negara selaras dengan hasrat utama KSSR, iaitu menghasilkan murid yang berminda aras tinggi di mana mereka dapat mencapai tahap kreatif, kritis dan inovatif. Walau bagaimanapun, hasil proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah merupakan petunjuk utama yang dapat mengukur dengan tepat keberkesanan pelaksanaan KSSR ini.

1.3 Kepentingan Kajian

Berdasarkan pemerhatian awal penyelidik melalui dua buah sekolah rendah jenis kebangsaan aliran cina bertempat di negeri Sarawak dan Sabah sepanjang empat tahun didapati bahawa pihak sekolah cenderung melantik guru subjek seni visual tanpa mengira pengkhususan guru tersebut. Keadaan ini berlaku atas sebab-sebab dan alasan-alasan tertentu. Contohnya, kekurangan guru pengkhususan seni di sekolah atau untuk mengatasi limitasi guru golongan bumiputra yang tidak erti Bahasa Cina. Walau bagaimanapun, fenomena ini menimbulkan persoalan tentang tahap pencapaian pengajaran dan pembelajaran seni visual berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Persoalannya ialah sejauh manakah murid dapat mencapai tahap penguasaan yang telah ditetapkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Seni Visual dan adakah murid memahami makna atau tujuan mereka belajar seni visual. Berdasarkan kajian ini dijangkakan dapat membuktikan bahawa pembelajaran seni visual ini dapat memanfaatkan kehidupan seseorang murid pada masa hadapan.

"I find there are so many things that inspire me. While studying art we work in groups. We are open to criticism. That is how we improve. It is real teamwork and partnership. It requires mutual understanding, tolerance and patience. All of these skills are important now that I am working in the bank. My boss and colleagues say I can concentrate well and am very focused. They say I am good at analysing problems and suggesting solutions, and that I am patient and understanding and hence have better relations with clients than many others."

(Kai-Ming Cheng: 2004)

Pernyataan Kai-Ming Cheng (2004) yang berdasarkan pengalaman beliau begitu jelas memperlihatkan betapa kuatnya pengaruh Pendidikan Seni Visual di sekolah sehingga mampu menjayakan kerjaya seseorang walaupun bukan dalam bidang seni. Justeru itu, kajian ini adalah penting untuk mengikis tanggapan negatif daripada sesetengah golongan masyarakat terhadap Pendidikan Seni Visual. Berdasarkan pemerhatian saya sebagai seorang guru Pendidikan Seni Visual selama empat tahun di sekolah rendah, didapati bahawa kebanyakan ibu bapa kurang memberi sokongan kepada anak-anak mereka dalam pembelajaran seni visual bukan sahaja dari segi penyediaan alat dan bahan yang diperlukan untuk belajar malah juga dari segi penyediaan mental yang positif terhadap pembelajaran Seni Visual. Akibatnya, kebanyakan murid tidak menunjukkan sifat kesungguhan mereka semasa P&P Seni Visual. Misalnya, cepat berputus asa apabila menghadapi kesukaran atau masalah dalam proses penghasilan karya. Ada juga yang sering tidak hantar hasil karya mereka dengan berbagai-bagai alasan seperti tiada masa untuk menghasilkan karya sebab sibuk bertuisyen, tiada alat atau bahan untuk menghasilkan karya sebab ibu bapa enggan menyediakannya, dan ada pula yang menganggap kerja rumah seni itu tidak penting sebab ia tidak akan menjejaskan purata peperiksaan tahunan. "*Guru seni itu senang kerjanya...main lukis-lukis sahaja dalam bilik darjah!*". Kadang-kala terdengar pula komen-komen sinis sedemikian yang begitu menyedihkan sehingga terpatahnya semangat. Berbagai-bagai cabarannya sebagai seorang guru seni sama ada dalam bilik darjah atau luar bilik darjah yang mungkin tidak erti dan difahami oleh masyarakat. Adakah seorang guru yang bukan dari pengkhususan seni itu betul-betul memahami tanggungjawabnya sebagai seorang guru seni serta tahu kepentingan Pendidikan Seni Visual kepada seseorang murid dan kepada masyarakat? Atau menganggap ia sebagai salah satu subjek sampingan yang semata-mata untuk mengurangkan tekanan murid dari pembelajaran subjek teras?

Selain itu, kajian ini juga penting sebagai suatu usaha menyahut transformasi sistem pendidikan di Malaysia ke arah melahirkan modal insan baru yang mempunyai pemikiran aras tinggi, iaitu kreatif, kritis dan inovasi berdasarkan Teori kognitif Taksonomi Bloom (revisi) yang dikemukakan oleh Anderson, L. W. & Krathwohl, D (2001). Menurut Belden & Fessard (2001), pengajaran seni adalah salah satu saluran terbaik untuk melibatkan kaedah pembelajaran yang pelbagai.

"I have learned to express myself. I have learned to manage and arrange things with an aesthetic eye. I was trained to concentrate on my work. When doing art work, I also learned analysis. Arts is about creativity. Naturally we expect ourselves to think creatively. 'Thinking outside the box', so to say."

(Kai-Ming Cheng: 2004)

Pernyataan Kai-Ming Cheng (2004) menunjukkan Pendidikan Seni Visual boleh sebagai pemangkin dalam usaha murid mencapai tahap pemikiran aras tinggi. Melalui aktiviti seni, murid dapat mempelajari kemahiran berfikir yang lebih kompleks di samping membangun kemahiran meneroka mereka. Pendidikan bukan lagi setakat 3M (membaca, menulis, mengira) yang mengutamakan penghafalan ilmu untuk menduduki peperiksaan sahaja. Namun semakin menuju ke arah perkembangan yang lebih tinggi dan seimbang sesuai dengan kemajuan zaman.

Di samping itu, seni juga merupakan media atau bahan bantu mengajar yang hebat apabila diintegrasikan dalam pengajaran subjek teras, seperti matematik, sains dan bahasa. Suatu p&p yang paling berkesan adalah di mana murid dapat menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan topik yang sedang dipelajarinya. Seperti apa yang dikatakan:

"When children study any given concept, they learn it better and retain it longer if they do an art activity that reinforces that learning. This information has been recognized by teachers since the time of Confucius, when he said: 'I hear and I forget. I see and I remember; I do and I understand.'"

(Reyner, A.: 2008)

Walau bagaimanapun, segala kebaikan dan manfaat tersebut hanya akan direalisasikan seandainya murid dapat mencapai hasil pembelajaran Pendidikan Seni Visual yang tinggi. Dengan itu, diharap kajian ini dapat membantu dalam usaha meningkatkan martabat Pendidikan Seni Visual di Malaysia yang diabaikan selama ini.

1.4 Permasalahan Kajian

Satu keadaan yang sering berlaku di sekolah di mana pihak pengurusan sekolah mengabaikan pengkhususan guru untuk mengajar subjek opsyen seni atas alasan-

alasan tertentu. Seni sering dipandang ringan oleh masyarakat malah diabaikan dalam sistem pendidikan memandangkan persaingan globalisasi kini menjadi semakin tinggi selari dengan peningkatan individu golongan intelektual. Dengan itu, polisi pendidikan secara tradisional telah memberi fokus kepada pemerolehan kemahiran dan pengetahuan yang dianggap “berguna” dalam pelbagai bidang kerjaya murid pada masa hadapan, misalnya doktor, peguam, akauntan dan ahli sains.

Namun Shaeffer. S dan Engelhardt. R. (2005) berpendapat bahawa pendidikan seni boleh merangsang pembangunan kognitif murid di samping memupuk pemikiran kreatif dan inovatif. Ia juga dapat melahirkan murid yang memahami pentingnya kepelbagaian budaya dan seterusnya mengukuhkan corak tingkah laku yang berasaskan toleransi sosial. Hasil pembelajarannya mungkin nampak kurang kepentingannya untuk menjayakan seseorang murid dalam bidang profesionnya kemudian, tetapi cubalah kita bayangkan apa yang akan terjadi kepada seseorang yang sentiasa berfikir sempit dan tidak sanggup bertoleransi? Adakah mungkin kehidupannya boleh berjaya?

Oleh demikian, pendidikan seni di Malaysia telah mengalami transformasi dari zaman Pendidikan Seni kepada zaman Pendidikan Seni Visual sekarang selaras dengan pengubalan sistem pendidikan KSSR. Pengubahan ini memberi kesan yang jelas kepada matlamat dan objektif keseluruhan mata pelajaran ini. Kandungan mata pelajaran pun telah berubah atau bertambah. Dengan itu, pendekatan pengajaran dan pembelajaran juga perlu berubah mengikut keperluan supaya mencapai hasil pembelajaran yang berkualiti. “Pendidikan berkualiti” memerlukan murid dan guru yang bermotivasi tinggi, kurikulum yang berkesan dengan persekitaran belajar yang inklusif dan kondusif bebas daripada apa-apa saja unsur diskriminasi. Jadi, untuk mewujudkan suatu pengajaran dan pembelajaran seni visual yang bermakna dan berkesan, falsafah, kepercayaan dan amalan guru-guru Pendidikan Seni Visual perlu selari dengan falsafah dan matlamat mata pelajaran ini.

Permasalahan kajian ini adalah untuk mengenalpasti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran seni visual dari guru bukan pengkhususan seni. Setakat mana hasil pembelajaran murid untuk subjek ini yang dinilai dari segi kognitif, afektif dan psikomotor. Hasil kajian ini bukanlah untuk mempersoalkan kelayakan guru atau

mengkritik para guru seni visual yang bukan opsyen seni, tetapi adalah untuk membangkitkan kesedaran pihak-pihak berkenaan terhadap kepentingan isu ini dan impaknya terhadap pembangunan pendidikan Malaysia secara keseluruhan.

1.5 Objektif Kajian

Umumnya, objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti hasil pembelajaran murid melalui pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual daripada guru bukan pengkhususan seni. Antara objektif khusus yang ingin dicapai adalah seperti berikut:

- 1.5.1 Mengetahui tahap kognitif murid tahun enam melalui bahasa tampak.
- 1.5.2 Mengetahui tahap pencapaian afektif murid tahun enam melalui persepsi.
- 1.5.3 Mengetahui tahap penguasaan psikomotor murid tahun enam dalam lukisan.

1.6 Soalan Kajian

- 1.6.1 Apakah ciri-ciri kognitif murid tahun enam?
- 1.6.2 Apakah tahap pencapaian afektif murid tahun enam?
- 1.6.3 Sejauh mana tahap psikomotor murid tahun enam melalui analisis hasil lukisannya?

1.7 Fokus Kajian

Kajian ini hanya menumpukan kepada hasil lukisan berpandu oleh responden. Dalam penghasilan sesebuah lukisan perkara utama yang dititikberatkan ialah penggunaan Asas Senireka yang boleh dibahagikan kepada tiga prinsip iaitu rekaan, struktur rekaan dan unsur rekaan. Ketiga-tiga aspek ini mempunyai peranan dalam menentukan keberkesanan sesebuah hasil lukisan. Dalam kajian ini penyelidik hanya berfokuskan kepada satu elemen sahaja dalam unsur rekaan iaitu ruang. Justeru penyelidik tidak